

18/12/2001

Pensyarah peralat pelajar perlu terima hukuman

Azhar Abu Samah; Khairul Anwar Rahmat

BH: Sempena musim perayaan tahun ini, kerajaan mengumumkan pemberian RM100 kepada golongan termiskin di seluruh negara. Apa komen saudara?

RAMLAN: Inilah nikmat berada dalam sebuah negara yang aman dan makmur seperti Malaysia. Tidak semua negara mampu memberi bantuan kepada rakyatnya, terutama golongan miskin kerana bilangan mereka yang ramai. Namun, kerajaan kita sudah membuktikan tradisi membela rakyat tetap menjadi agenda utama. Walaupun RM100 bukanlah jumlah yang banyak bagi sesetengah orang, bagi mereka yang memerlukan, wang sebanyak itu amat besar nilai dan ertinya.

Dengan pemberian ini, dapatlah mereka meraikan hari lebaran dengan lebih meriah dan gembira. Tetapi, apa yang lebih menarik perhatian ialah wang berkenaan turut diagihkan kepada orang miskin keturunan Cina dan India. Dengan kata lain, kerajaan mahu semua rakyat bergembira kerana hari perayaan bagi satu kaum di Malaysia turut disambut meriah oleh kaum lain.

BH: Bagaimana pula caranya rakyat perlu membalas keprihatinan kerajaan yang sentiasa mengambil berat kebajikan rakyat?

RAMLAN: Sudah semestinya rakyat yang bersyukur sentiasa menyedari nikmat yang kita peroleh hari ini ialah berkat pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang stabil dan dinamik. Di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia terus bergerak maju menuju masa depan cemerlang dengan pelbagai program demi kesejahteraan rakyat. Sudah tentu, kejayaan ini ditunjangi kekuatan dalaman yang diperoleh daripada parti pemerintah, iaitu Umno dan BN. Justeru, saya menyeru kepada rakyat Malaysia yang prihatin supaya bersatu dan menyumbangkan idea serta tenaga demi kemakmuran negara. Jika keamanan dan kemakmuran ini berjaya dikekalkan, saya percaya Malaysia akan mencapai kejayaan lebih daripada apa yang dikecapi hari ini.

BH: Apakah yang perlu dilakukan Umno untuk memastikan BN kekal menerajui kerajaan pada pilihan raya umum akan datang?

RAMLAN: Ahli Umno perlu meneruskan usaha mendekati rakyat terbanyak sama ada di bandar atau desa dan kita perlu lakukan ini sehingga akhir hayat. Ada segelintir pemimpin yang mula lupa tanggungjawab membela rakyat apabila mereka sudah berada di atas. Inilah yang akhirnya akan melunturkan sokongan rakyat terhadap Umno. Sebagai parti yang berteraskan kebajikan dan kesejahteraan rakyat, Umno perlu terus berjuang menjuarai nasib rakyat. Sampai waktu dan ketikanya, rakyat akan menentukan parti mana yang mereka perlukan untuk membela nasib mereka.

BH: Sepanjang musim perayaan ini, ada banyak kejadian buruk dilaporkan media massa, termasuk kecederaan parah dan kematian yang berpunca daripada bermain mercun dan bunga api. Bagaimana saudara melihat isu ini?

RAMLAN: Masa saya kanak-kanak dulu, kami juga bermain mercun dan bunga api. Tetapi, tiada pula kejadian yang tidak diingini berlaku sehingga ada yang terbunuh. Hari ini, kemalangan akibat bermain mercun dilaporkan hampir setiap hari pada setiap kali musim perayaan. Maknanya, mercun dan bunga api zaman sekarang jauh lebih berbahaya daripada dulu. Dalam pada itu, ada pihak tidak bertanggungjawab menjual mercun dan bunga api yang diseludup. Sudah tentu, bahan larangan ini mengandungi bahan letupan yang lebih berbahaya. Mereka mengambil kesempatan pada musim perayaan dengan menjual mercun dan bunga api kepada kanak-kanak yang belum mengenal erti bahaya.

Apa yang lebih menyedihkan kebanyakan mangsa ialah kanak-kanak Melayu.

Jarang pula kita dengar bangsa lain terbabit dengan kemalangan akibat bermain mercun. Ini membuktikan masyarakat kita masih dibelenggu perbuatan tidak berfaedah. Jika gejala ini tidak dipandang serius, saya bimbang lebih ramai anak Melayu akan terkorban akibat kegiatan tidak bermanfaat ini. Lebih menyedihkan, kita akan kehilangan mereka yang mempunyai masa depan cerah dalam pelajaran dan kerjaya masa depan.

BH: Apakah usaha yang perlu dibuat untuk membendung penjualan mercun dan bunga api pada setiap musim perayaan?

RAMLAN: Kesedaran ini perlu bermula dari rumah. Ibu bapa mesti memastikan anak mereka mematuhi larangan bermain mercun. Jika boleh, setiap pergerakan mereka, terutama pada waktu malam, dipantau supaya tiada ruang untuk mereka melakukan perbuatan tidak berfaedah.

Ibu bapa juga perlu bekerjasama dengan melaporkan sebarang penjualan mercun kepada pihak berkuasa. Kita perlu menjalankan tanggungjawab sosial supaya pihak tidak bertanggungjawab tidak mendapat peluang menjalankan kegiatan haram mereka. Saya percaya, jika masyarakat kita sedar dan prihatin, aktiviti penjualan mercun akan dapat dihapuskan sepenuhnya.

BH: Bagaimanapun, ada pihak yang menyalahkan penguatkuasaan lemah sebagai punca kegiatan ini berleluasa?

RAMLAN: Kenyataan ini sedikit-sebanyak ada kebenarannya. Saya rasa sudah lama kita memerangi masalah ini, namun ia tetap berulang saban tahun. Saya juga berharap pihak berkenaan mengambil langkah lebih tegas dengan meletakkan pegawainya pada setiap tempat yang berpotensi menjadi medan penjualan mercun. Adat manusia takutkan hukuman dan denda.

Mereka tidak akan beroperasi jika mendapati ada pegawai penguat kuasa yang melakukan rondaan di kawasan sekitar. Masalahnya sekarang, mereka seolah-olah tahu tindakan mereka tidak diperhatikan dan bebas menjalankan aktiviti jual beli. Tetapi, saya memuji tindakan pantas sesetengah pihak berkuasa tempatan yang berjaya melumpuhkan kegiatan penjualan mercun pada musim perayaan kali ini. Saya berharap, kejayaan mereka akan dapat dicontohi pihak berkuasa lain.

BH: Baru-baru ini, Exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Dr Adham Baba, mendedahkan sikap buruk segelintir pensyarah universiti yang mengambil kesempatan menghentam kerajaan dalam sesi kuliah mereka. Apa pandangan saudara mengenai perkara ini?

RAMLAN: Saya melihat isu ini sebagai cubaan pihak tertentu yang terdesak untuk memperjuangkan ideologi politik mereka. Kita tahu ada segelintir pensyarah universiti yang menyokong individu tertentu dalam parti pembangkang. Walaupun ada daripadanya sudah disabitkan kesalahan dalam mahkamah terbuka dan sedang menjalani hukuman, pihak yang menyokongnya tetap mencari jalan menegakkan benang basah, termasuk menghasut pelajar universiti membenci kerajaan.

Mereka sepatutnya bersikap terbuka dan memikirkan masa depan pelajar yang mungkin terjejas akibat permainan politik sempit seperti itu. Saya percaya, majoriti daripada pelajar datang ke universiti untuk menuntut ilmu dan mencari pekerjaan yang baik selepas tamat pengajian. Ada yang bertungkus-lumus belajar kerana ingin menyara keluarga yang susah. Saya berharap pensyarah yang suka memperalatkan pelajar insaf dan bersikap adil kepada pelajar.

BH: Perlukah kerajaan mengambil tindakan lebih tegas, termasuk memecat pensyarah yang terbukti terbabit dalam kegiatan menghasut pelajar?

RAMLAN: Sepatutnya, perkara ini kita tangani sejak dulu lagi, iaitu sebelum ia menular dengan lebih teruk. Bagaimanapun, saya percaya masih belum terlambat bagi kerajaan bertindak tegas terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab. Selama ini, kerajaan berlembut kerana tidak mahu dituduh zalim dan pelbagai tohmahan lain. Tetapi, apa sudah jadi dengan Kelantan dan Terengganu? Walaupun baru saja mengambil alih pemerintahan, kerajaan

Pas bertindak drastik dengan menyingkirkan sesiapa saja yang didapati menggugat parti itu.

Namun, saya tidak menjangkakan Kerajaan Pusat akan bertindak seperti kerajaan Pas di Kelantan dan Terengganu. Kita perlu lebih rasional dan bertolak-ansur. Dalam soal ini, kita perlu mengadakan pertemuan dengan mereka yang terbabit dan menasihati mereka supaya tidak mengulangi kesalahan. Bagaimanapun, tindakan lebih tegas, termasuk pecat, perlu dikenakan jika mereka masih berdegil.

BH: Minggu lalu, seorang Ahli Parlimen daripada parti pembangkang digantung keanggotaannya selama enam bulan kerana mengeluarkan kenyataan akhbar yang menghina Parlimen dan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Dr Mohamed Zahir Ismail. Apa pandangan saudara mengenai perkara ini?

RAMLAN: Parlimen ialah tempat untuk wakil rakyat menyuarakan permasalahan dan keluhan rakyat. Kita tidak mahu Parlimen negara ini mengikut jejak beberapa negara lain yang sentiasa kecoh akibat wakil yang tidak berdisiplin. Di sesetengah negara, Ahli Parlimen mereka bertindak lebih ganas, termasuk bertumbuk, bergaduh dan melemparkan kerusi antara satu sama lain. Sebab itu, kita di Malaysia mempunyai peraturan dan adab tertentu yang perlu dipatuhi ahli Dewan Rakyat.

Tindakan akan diambil terhadap sesiapa saja yang mengingkari peraturan. Saya percaya, tindakan yang dikenakan terhadap Ahli Parlimen berkenaan bukan disebabkan beliau mewakili parti pembangkang, tetapi kerana beliau tidak menghormati peraturan yang ditetapkan.

BH: Adakah kejadian ini memberi ruang kepada pembangkang menuduh kerajaan bertindak zalim dan menyekat hak bersuara wakil mereka daripada berada di Dewan Rakyat?

RAMLAN: Kadangkala, saya meluangkan masa untuk mengikuti perjalanan dan perdebatan di kalangan wakil rakyat di Parlimen. Saya dapati, sesiapa saja, baik wakil kerajaan atau pembangkang, bebas menyuarakan pandangan dan pendapat mereka. Malah, ada kalangan wakil pembangkang bertindak keterlaluan dengan menuduh beberapa pemimpin kerajaan dengan pelbagai tuduhan tidak berasas. Namun, mereka tidak pula dikenakan tindakan akibat perbuatan itu.

Tetapi, dalam kes ini, kesalahan yang dilakukan adalah mengeluarkan kenyataan akhbar yang menghina Parlimen dan Yang Dipertuanya. Kita tahu Parlimen ialah institusi yang perlu dipelihara maruahnya. Justeru, pihak pembangkang tidak mempunyai alasan kukuh untuk mengaitkan penggantungan keanggotaan seorang wakilnya dengan amalan kerajaan.

BH: Apa pandangan saudara mengenai permohonan bekas Gabenor Wilayah Autonomi Muslim Mindanao (ARMM), Nur Misuari, untuk mendapatkan suaka politik di Malaysia?

RAMLAN: Pada awalnya, kita menyokong Nur Misuari sebagai pemimpin yang memperjuangkan nasib umat Islam di Filipina. Namun, selepas beberapa ketika beliau memegang jawatan, ada tindakan yang dilakukannya mendapat tentangan daripada Kerajaan Filipina dan kedua-dua pihak ini mula bertelagah. Kemuncaknya, beliau dilucutkan jawatan dan melarikan diri ke Malaysia.

Justeru, Malaysia tidak boleh memberi bantuan dan sokongan terhadap mana-mana pihak yang melakukan pemberontakan dalam negara sendiri. Bagaimana jika negara lain memberi bantuan dan sokongan terhadap pihak yang memberontak dalam negara kita? Sebab itu, saya berharap biarlah Filipina sendiri menyelesaikan hal dalaman negara mereka. Malaysia tidak perlu campur tangan kerana ia akan hanya menjejaskan hubungan kedua-dua negara.

(END)